

10/11/1997

Mahasiswa perlu berfikiran kritis

PENGETUA Kolej Kediaman Mohamad Rashid (KKMR) merangkap Pensyarah Fakulti Kedokteran Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Abd Razak Alimon, 48, dilahirkan di Melaka. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains (Penternakan/Pemakanan Haiwan) pada 1972, Ijazah Sarjana Pertanian (Penternakan/Pemakanan Haiwan) 1980 dari Universiti New England, New South Wales, Australia dan Ijazah Doktor Falsafah dari University of Reading, England pada 1989. Baru-baru ini beliau dikurniakan Bintang Cemerlang Melaka daripada Yang Di-Pertua Negeri Melaka. Ikuti temubual Raja Roslan Raja Abd Rahman dengan beliau berkaitan misi beliau menerajui KKMR menjelang alaf baru.

SOALAN: Sejak bila Doktor dilantik sebagai pengetua di Kolej Kediaman Mohamad Rashid (KKMR)?

JAWAPAN: Saya dilantik sebagai pengetua KKMR sejak pertengahan 1996 iaitu lebih kurang setahun lebih. Ini adalah kali kedua saya dilantik sebagai pengetua kolej. Kali pertama ialah pada tahun 1986 di Kolej Keenam, UPM.

SOALAN: Bagaimana Doktor mampu menjalankan tugas sebagai pengetua dengan baik sedangkan saya difahamkan Doktor mempunyai tugas sebagai pensyarah/saintis yang perlu banyak memberi perhatian kepada kuliah serta penyelidikan?

JAWAPAN: Saya berasa gembira kerana diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan sebagai pengetua kerana ini adalah kali kedua saya dilantik dan saya berminat untuk bersama-sama pelajar dalam apa jua aktiviti sama ada di dalam atau di luar kolej. Saya bersyukur kerana isteri dan anak saya memahami tugas saya dan saya juga tidak keberatan membawa mereka ke kolej untuk melihat aktiviti kolej.

Kadangkala saya menghadapi kekangan masa untuk mengimbangi kedua-dua jawatan itu, tetapi boleh dikatakan setiap petang atau malam, saya peruntukkan masa di kolej. Manakala di sebelah pagi, saya menumpukan perhatian kepada kuliah dan penyelidikan saya di fakulti. Sehingga kini saya berasa puas hati dan gembira kerana saya juga dapat berkongsi ilmu serta memberi ilmu kepada mereka.

SOALAN: Memandangkan KKMR ini adalah kolej ulung dan yang pertama dibina di UPM, sebagai pengetua kolej, apakah visi dan matlamat jangka panjang Doktor?

JAWAPAN: KKMR agak berbeza dengan kolej lain di UPM kerana ia bukan sahaja berfungsi sebagai tempat penginapan pelajar, malah lebih daripada itu. Visi saya selaras dengan visi UPM. Selain dapat menjana pelajar ke satu peringkat kecemerlangan, saya juga inginkan pelajar gembira dan seronok dengan suasana di kolej kerana ini akan mencerikan lagi minda mereka.

Selain itu, saya juga mahukan setiap bilik dimuatkan dua pelajar, cukup kemudahan asas seperti meja dan komputer, kemudahan beriadah, bilik perbincangan dan berkongsi maklumat, bilik komputer dan Internet, bilik muzik klasik, tandas yang bersih, kafetaria yang bersih dan sebagainya.

Pelajar perlu melihat kolej bukan sahaja tempat mereka tidur dan makan, malah lebih daripada itu melalui peradaban cara moden tanpa melanggar budaya kita. Kami juga mengamalkan konsep 'menang, menang' dengan membabitkan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan sama ada di kolej atau di tempat masyarakat itu tinggal. Dengan ini, pelajar akan lebih berpengalaman dan masyarakat juga turut berjaya meningkatkan tahap pendidikan mereka.

Selain itu, KKMR dalam menuju alaf baru juga mengubah peranannya terutamanya dalam pembangunan sumber manusia seperti meningkatkan pembentukan sahsiah dan peribadi mahasiswa dalam semua aktiviti yang diceburi.

SOALAN: Apa pendapat doktor sendiri mengenai pelajar yang tinggal di luar kampus yang kurang mendapat perhatian dan kebajikan setelah keluar dari kolej asalnya?

JAWAPAN: Ya...kita prihatin nasib mereka. Seboleh-bolehnya kami pentadbir kolej di UPM ingin supaya semua pelajar ditempatkan dalam kolej agar mudah membabitkan diri dalam aktiviti di kolej. Malangnya, pelbagai kekangan berlaku, terutamanya pengambilan pelajar baru yang memaksa pelajar lama keluar dari kolej.

Bagaimanapun, KKMR mencetus satu sistem yang dikenali sebagai "Sistem Kolej Giat" yang mana mereka yang keluar dari kolej akan tetap menjadi ahli atau alumni kolej ini sehingga bila-bila masa. Ini berlaku di kolej atau universiti di luar negara seperti di Oxford dan Cambridge, Britain yang mengamalkan kesinambungan hubungan yang masih kekal.

Mereka akan menidentifikasi diri sebagai "brotherhood" kolej bila bertemu rakan sekolej mereka di mana jua pun. Dengan ini mereka mempunyai hubungan keluarga yang besar dan erat serta mampu membantu pihak kolej sama ada sebagai fellow, fasilitator, penceramah dan sebagainya.

SOALAN: Sebagai pengetua KKMR yang berpandangan jauh, bagaimana Doktor melihat agar budaya hidup pelajar di kolej itu menuju ke arah alaf baru tahun 2000?

JAWAPAN: Kami mempunyai perancangan jangka panjang dan jangka pendek. Matlamat jangka panjang kami ialah mencapai hasrat UPM untuk menjadikan universiti sebagai gedung ilmu pengetahuan dan mengeluarkan cendekiawan yang mempunyai keinginan ke arah mempertingkatkan teknologi maklumat.

Matlamat jangka pendek pula ialah untuk menjadikan kolej sebagai sebuah tempat mereka belajar budaya hidup dan menimba pengalaman sebanyak mungkin melalui aktiviti akademik, sukan, riadah, kelab dan persatuan.

Saya melatih personaliti pelajar melalui aktiviti kemasyarakatan seperti mengadakan program motivasi dan projek kampung angkat, yang mana pelajar boleh menyumbang sambil menambah pengetahuan mereka melalui aktiviti ini.

Semangat bekerja secara "teamwork" digalakkan ketika melakukan sesuatu program dan ini berguna selepas mereka keluar nanti. Seterusnya, hubungan antara pelajar dengan pelajar dipereratkan melalui cara belajar berkumpulan, teknik belajar yang berkesan seperti tutorial, perbincangan dan lain-lain lagi.

Sebagai satu komuniti yang agak besar iaitu seramai 1,180 pelajar di KKMR, pengawalannya agak sukar dan oleh itu penerapan nilai-nilai murni seperti hormat menghormati, amanah, cekal, berani, kaizen dan sebagainya, perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa.

SOALAN: Semangat kepimpinan perlu diterapkan kepada pelajar. Bagaimana Doktor meletakkan kepimpinan pelajar sebagai teras kepada kekuatan KKMR?

JAWAPAN: Di KKMR organisasi kepimpinannya bermula daripada individu yang tinggal di blok melantik wakil blok mereka. Kemudian, wakil blok ini akan bertanding merebut jawatan di Majlis Tertinggi Mahasiswa KKMR pada setiap Februari setiap tahun. Setelah dilantik, mereka akan mengagihkan jawatan mengikut sekretariat dan melaluinya, semua aktiviti kolej akan berjalan dengan lancar.

Saya berbangga dan memberi kebebasan serta ruangan kepada pemimpin pelajar untuk menjalankan sesuatu program yang boleh memberikan faedah bersama, terutamanya kepada pelajar baru yang kehausan tunjuk ajar yang berguna.

SOALAN: KKMR terletak dalam kawasan UPM yang juga menjadi pusat kepada Koridor Raya Multimedia (MSC). Apakah yang sedang dan akan dilakukan oleh

pihak KKMR dalam menyahut seruan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad?

JAWAPAN: Kami sudah ada Kelab Komputer sendiri dan semua pelajar boleh menggunakannya untuk mencari maklumat melalui internet bagi membantu mereka dalam pengajian di UPM. Selain itu, setiap pelajar boleh mewujudkan E-mail sendiri supaya mereka dapat berinteraksi dengan pelajar dalam kampus atau di luar kampus ataupun di luar negara.

Kami menggalakkan pelajar menggunakan komputer supaya mereka mengikut arus perkembangan teknologi maklumat yang pantas itu. Saya percaya lambat-laun komputer akan menjadi aset yang penting bagi seseorang di sepanjang pengajian mereka di UPM. Mereka akan menggunakannya selalu dan komputer akan jadi seperti perpustakaan yang dapat memberi maklumat terkini.

SOALAN: Apakah pendapat Doktor mengenai perubahan yang akan berlaku pada KKMR sekiranya UPM dikorporatkan pada masa akan datang?

JAWAPAN: Pada pandangan saya isu berkaitan pengkorporatan UPM telah dibincangkan dengan begitu hangat sekali sejak kebelakangan ini. Kemungkinan besar UPM juga akan turut bersama Universiti Malaya (UM) menyahut seruan Kementerian Pendidikan dan ini akan diumumkan oleh Naib Canselor UPM nanti.

Bercakap tentang perancangan pengkorporatan memang mudah tetapi jika dilihat dari aspek pelaksanaannya, ia agak memerlukan ketelitian dalam banyak aspek termasuk perubahan dari segi organisasi, peruntukan kewangan, gaji, kakitangan dan sebagainya.

Dalam konteks KKMR, kami sudah membuat persediaan di peringkat asas pengkorporatan dengan mengenakan bayaran kepada mereka yang menggunakan fasiliti atau kemudahan seperti asrama, dewan kuliah, kafetaria dan sebagainya.

Selain itu, pengkorporatan UPM akan membantu meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan kolej dengan lebih baik kerana semua ini akan mendapat pulangan dari aspek kewangan kepada kolej serta UPM amnya.

Saya percaya melalui pengkorporatan nanti, kakitangan kolej akan mendapat gaji yang tinggi dan sistem bekerja yang sistematik. Ini akan membuatkan kakitangan kolej berdaya usaha dan inovatif serta cuba berubah ke arah budaya korporat yang mantap.

Pada permulaannya, UPM melalui Unit Perundingan Universiti (UBC) akan menswastakan kafetaria dan kontrak pembersihan asrama mulai November 1997. Cuma yang akan menjadi masalah ialah apabila semua kemudahan disediakan dengan baik, tentunya pelajar dikehendaki membayar lebih sedikit di atas perkhidmatan yang lebih selesa itu.

SOALAN: Bagaimana Doktor meningkatkan pembabitan pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan di peringkat kolej, universiti dan masyarakat?

JAWAPAN: Pembabitan pelajar dalam semua aktiviti bergantung kepada kepimpinan yang ada pada persatuan pelajar itu sendiri. Sekiranya mereka ingin mengadakan program yang memberi manfaat kepada masyarakat, pihak kolej tidak menghalang malah mengalu-alukannya.

Sebagai pengetua kolej, saya menggalakkan mereka aktif dan berfikiran kritis kerana mereka adalah bakal pemimpin yang perlu didedahkan dengan pelbagai dasar kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyatnya.

SOALAN: Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abd Razak menyarankan kepada agensi kerajaan di bidang pendidikan supaya berusaha meningkatkan mutu pengurusan ke arah mencapai tahap ISO9000. Bagaimana Doktor sebagai pengetua KKMR berusaha untuk mencapai tahap ini?

JAWAPAN: KKMR dan kolej di UPM kini sedang menuju ke arah mendapat pengiktirafan ISO9000 dari pihak Sirim. Dalam kertas cadangan, pengurus KKMR, Zainalabidin Ali bertindak sebagai wakil kolej ke peringkat UPM sedang berusaha untuk menyelaraskannya dengan semua kolej kediaman di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Memang bukan mudah untuk mencapai tahap ISO9000 tetapi jika kita tidak berusaha ke arah itu, sampai bila-

bila kita tidak akan mencapainya. Kita harus berani dalam hal ini.
(END)